

UCAPAN

**YANG MULIA
DATO PADUKA HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**

PEMBUKAAN

**TAHUN UNDANG-UNDANG 2004
HARI KHAMIS, 27 MEI 2004**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Amat Arif, Hakim-Hakim Mahkamah Besar,

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama
Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama
Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia, Awg David Teo

Ahli-Ahli Badan Peguam,

Para tetamu,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat Arif pada upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat tradisi undang-undang yang amat penting di Negara Brunei Darussalam dan bagi membaharui ikrar kita untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

Yang Amat Arif,

Undang-Undang Baru

Pada tahun 2003 dan awal tahun ini, beberapa undang-undang baru telah dibuat. Seperti lazimnya saya ingin menyebut beberapa undang-undang baru yang penting.

1. Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), 2003

Undang-undang baru ini membuat peruntukan bagi penubuhan Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Persatuan Undang-Undang itu ditubuhkan terutamanya untuk mewakili,

melindungi dan membantu ahli-ahli Ikhtisas Peguam dan bagi menggalakkan minat dalam Ikhtisas Peguam. Persatuan Undang-Undang itu dengan kebenaran Ketua Hakim boleh membuat aturan-aturan berhubung dengan etiket amalan profesional, kelakuan dan tata tertib peguambela dan peguamcara.

Yang Amat Arif,

Saya turut sama dengan Yang Amat Arif untuk mengucapkan kepada Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semoga maju jaya dalam melaksanakan beban mereka yang berat.

2. Perintah Pendidikan, 2003

Perintah ini membuat peruntukan bagi pendaftaran dan pengawalseliaan semua sekolah dan institusi pendidikan dan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya.

Perintah ini memansuhkan Akta Pendidikan (Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan) (Penggagal 55), Undang-Undang Kedatangan Sekolah (Penggagal 56 dari Edisi Semakan) dan Peraturan-Peraturan Am bagi Sekolah-Sekolah, 1939. Terdapat 12 Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini. Peraturan-Peraturan itu

berhubungan dengan Persatuan-Persatuan Sekolah, Persatuan Ibubapa-Guru, Tata tertib Sekolah, Kurikulum Kebangsaan, Pendaftaran Institusi-Institusi Pendidikan dan Guru-Guru dan Pengurusan Institusi-Institusi Pendidikan.

3. Perintah Penyakit Berjangkit, 2003

Perintah ini diperkenalkan untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit dari dibawa masuk dan merebak di Negara Brunei Darussalam, dan penjangkitan dari Negara Brunei Darussalam, dan sebarang perkara yang berkenaan dengannya.

Perintah ini memansuhkan Akta Kuarantin dan Pencegahan Penyakit (Penggag 47). Undang-undang baru ini diperkenalkan untuk mengawal merebaknya penyakit-penyakit berjangkit terutamanya SARS dan penyakit selsema burung baru-baru ini.

4. Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Tali Pinggang Keledar bagi Kanak-Kanak), 2004.

Peraturan-peraturan baru ini mula berkuatkuasa pada 28 Januari 2004. Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi mana-mana orang yang, tanpa sebab yang

munasabah, memandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya apabila terdapat di dalam kenderaan itu seorang kanak-kanak yang tidak memakai tali pinggang keledar. Kesalahan ini membawa hukuman denda yang tidak melebihi dari \$2,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

5. Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2004

Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2004 ini membuat peruntukan bagi hukuman sebat di samping hukuman penjara atau denda kerana kesalahan-kesalahan memasuki secara haram, tinggal melebihi tempoh dan bersubahat dengan pendatang tanpa izin untuk melanggar Akta Imigresen. Hukuman sebat akan dikenakan kepada defendan-defendan yang dituduh dan disabitkan pada dan selepas 12 Jun 2004.

6. Usaha Penyemakan Undang-Undang

Seperti lazimnya Jabatan saya telah dengan giatnya membuat penyemakan Undang-Undang Brunei. Sejak Pembukaan Tahun Undang-Undang pada tahun lepas, beberapa Akta telah disemak

iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Monopoli, Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Akta Pendaftaran Anak Angkat, Akta Setem, Akta Elektrik, Akta Syarikat Kewangan, Akta Cukai Pendapatan, Akta Banci dan Aturan-Aturan Mahkamah Besar.

Yang Amat Arif

Seperti yang telah saya katakan sebelumnya, pengenalan undang-undang baru tidak akan dapat menyelesaikan semua masalah dalam kehidupan. Kita masih perlu untuk menguatkuasakannya. Kita perlu mendakwa atau membela orang yang dikatakan melanggarnya. Kita masih perlu untuk mendengar dan membuat keputusan dan untuk memastikan bahawa keadilan ditegakkan dan dilihat telah ditegakkan. Mereka yang terlibat, iaitu pegawai-pegawai penguatkuasaan, Pendakwa-Pendakwa, Peguam-Peguam, jurubahasa-jurubahasa mahkamah, pentadbir-pentadbir mahkamah dan kakitangan sokongan lain, Majistret-Majistret, Pendaftar-Pendaftar dan Hakim-Hakim dengan yang demikian perlu diberikan latihan atau ulang kaji secara berterusan supaya jentera keadilan kita dapat berfungsi dengan cekap.

Yang Amat Arif

Saya bersetuju dengan Yang Amat Arif bahawa pegawai-pegawai ini yang merupakan Peguam-Peguam yang berkelulusan adalah diharapkan supaya arif dalam undang-undang dan amalan.

Saya bersetuju dengan Yang Amat Arif bahawa untuk menjadi arif dalam undang-undang dan amalan yang berkaitan menghendaki usaha yang bersungguh-sungguh dan dedikasi serta komitmen yang sepenuhnya. Adalah susah untuk menjadi arif dalam undang-undang dan amalan yang berkaitan. Saya fikir tidak mungkin untuk menjadi arif dalam setiap bidang undang-undang. Tidak kira betapa berat pun cabaran yang kita hadapi, seperti yang telah saya katakan sebelumnya, kita mesti berkerja keras untuk terus relevan dalam menghadapi cabaran-cabaran baru abad ini. Bidang undang-undang baru seperti kewangan dan perbankan luar pesisir, Undang-Undang Islam/Syariah, perbankan dan kewangan Islam, kerja merentasi sempadan, harta intelektual, perdagangan elektronik, e-Kerajaan dan kerja Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) serta penggubalan undang-undang adalah antara banyak bidang undang-undang yang baru muncul di mana kepakaran undang-undang perlu diperolehi. Saya ingin menambah tentang

perlunya peguam-peguam mengetahui undang-undang antarabangsa awam supaya mereka dapat memahami dan membantu terutamanya ahli-ahli politik untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh dunia hari ini seperti isu-isu pengganasan dan hak asasi manusia. Saya percaya Pertubuhan Bangsa-Bangasa Bersatu baru saja menyedarinya dan baru-baru ini telah menekankan keperluan ini.

Liberalisasi Perkhidmatan Undang-Undang

Yang Amat Arif,

Globalisasi perkhidmatan undang-undang dalam kewangan antarabangsa dan pelaburan telah meningkatkan kadar dan kerumitan amalan undang-undang. Kita dapat melihat sekarang ini arah aliran yang berkembang bagi peguam-peguam yang mempunyai kemahiran dan pengalaman undang-undang yang betul untuk menjadi lebih diperlukan. Malangnya saya melihat hanya segelintir peguam-peguam tempatan mengambil peluang dalam pasaran undang-undang antarabangsa yang lebih besar. Meskipun saya mengetahui beberapa firma guaman di sini menjalankan amalan dalam perkhidmatan undang-undang luar pesisir yang ditawarkan oleh peluang-peluang yang diberikan kepada mereka

dengan tertubuhnya Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Brunei, saya belum lagi melihat mereka memberikan perkhidmatan di luar negeri dengan mengambil faedah dari pusat-pusat kewangan lain di seluruh dunia. Saya menggesa mereka untuk mengambil peluang ini sebagai satu-satunya cara untuk mengembangkan industri perkhidmatan undang-undang di Brunei. Firma-firma guaman dan peguam-peguam kita seharusnya mengembangkan perkhidmatan mereka di luar negeri terutama sekali di dalam pusat-pusat kewangan utama dunia dan juga menerokai perkhidmatan undang-undang yang khusus seperti kerja timbangtara antarabangsa.

Dengan permintaan yang meningkat dari kebanyakan negara maju di Pertubuhan Perdagangan Dunia bagi liberalisasi perkhidmatan undang-undang dan kemungkinannya di dalam ASEAN di bawah rundingan liberalisasi perkhidmatan pada tahun-tahun mendatang, saya perlu menggesa para pengamal undang-undang supaya melihat dunia ini sebagai tempat memberikan perkhidmatan. Rakan-rakan kita yang juga pengamal-pengamal undang-undang tidak boleh terlalu berpuas hati dengan keperluan domestik bagi perkhidmatan undang-undang dan mengharapkan bahawa Akta Ikhtisas Peguam akan terus melindungi kita dari persaingan asing. Memandangkan Brunei mahu menjadi pusat Perkhidmatan dan

Perdagangan di rantau ini, liberalisasi dalam perkhidmatan undang-undang adalah satu-satunya cara untuk kita melangkah ke hadapan.

Jenayah-Jenayah Terancang Merentasi Sempadan

Yang Amat Arif,

Ketiadaan tahap pengawalan yang bersesuaian menimbulkan potensi yang tinggi bagi negara-negara untuk dieksploitasi terhadap ancaman pelaburan wang haram dan pembiayaan pengganas dan untuk digunakan sebagai tapak bagi jenayah-jenayah merentasi sempadan seperti pengedaran dadah dan penyeludupan senjata. Di Brunei, kita telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kita mengadakan pengawalan yang kuat dan ini adalah suatu proses yang berterusan. Kerajaan telah menggubal undang-undang yang meluas untuk memberikan kepada agensi-agensi keselamatan dan pihak-pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang, kuasa-kuasa tambahan yang mereka perlukan untuk mengesan, mencegah dan, jika boleh, mendakwa penjenayah-penjenayah ini.

Jabatan saya juga berkerja secara berterusan dengan beberapa agensi dan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang untuk mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang dan mencadangkan kepada Kerajaan untuk menggubal undang-undang baru bagi memastikan bahawa jenayah-jenayah merentasi sempadan dapat dikesan dan pelaku-pelakunya didakwa. Daya usaha tersebut termasuk undang-undang untuk memerangi perdagangan manusia dan penyeludupan orang. Walaupun Brunei tidak dianggap sebagai negara sumber bagi perdagangan dan penyeludupan manusia, risiko-risiko untuk menjadi tempat persinggahan dan negara destinasi memang ada. Atas sebab inilah, Jabatan saya berusaha keras dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk menggubal undang-undang baru ini.

Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara-Perkara Jenayah

Yang Amat Arif,

Cabaran yang paling besar bagi mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang dalam menangani jenayah-jenayah merentasi sempadan adalah bahawa ia melimpasi sempadan negara. Hasil jenayah di dalam sebuah negara seperti hasil dari pengedaran

dadah, misalnya boleh dilaburkan secara haram di negara lain. Untuk memastikan bahawa penjenayah-penjenayah ini tidak mendapat faedah dari hasil jenayah yang mereka perolehi secara haram dengan mengambil faedah dari ketiadaan pengenaan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di luar negeri di dalam kebanyakan negara, saya tidak boleh terlalu menekankan perlunya bantuan bersama undang-undang di peringkat antarabangsa dalam perkara-perkara jenayah. Dalam hal ini, saya perlu menyebutkan bahawa mesyuarat Peguam-Peguam Negara dari negara-negara di dalam rantau ASEAN baru saja selesai di Kuala Lumpur untuk merumuskan **suatu penyusunan triti mengenai bantuan bersama undang-undang dalam perkara-perkara jenayah.** Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Jabatan saya menyertai rundingan ini yang kami berharap akan dimuktamadkan tidak lama lagi. Sambil menjangkakan triti ini akan mula berkuatkuasa, suatu undang-undang yang membolehkan sedang digubal dan Jabatan saya sedang membuat persediaan untuk menubuhkan **urusetia bantuan bersama undang-undang.** Dengan pelulusan triti ini dan kemudiannya undang-undang yang membolehkan mengenai bantuan bersama undang-undang, kita bersedia menerima bantuan undang-undang dalam perkara-perkara jenayah daripada negara-

negara yang mempunyai penyusunan dengan kita dan dengan yang demikian memastikan bahawa jenayah-jenayah tidak akan terlepas tanpa dihukum atau hasil jenayah tidak akan dibiarkan tanpa dirampas hanya kerana kita tidak mempunyai bidang kuasa yang diperlukan.

Yang Amat Arif

Sekali lagi saya perlu mengulangi apa yang telah saya ucapkan sebelumnya untuk mengingatkan kita semua di sini bahawa undang-undang bertulis yang lengkap adalah tidak berguna melainkan jika undang-undang itu dikuatkuasakan dengan adil, tegas dan berkesan. Saya bersetuju dengan ulasan Yang Amat Arif bahawa pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman adalah suatu tugas yang tiada penghujungnya. Pegawai-pegawai penguatkuasaan juga memerlukan sokongan orang ramai dengan membantu mereka dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang sukar itu. Yang Amat Arif, inilah waktunya yang tepat bagi saya seperti lazimnya menyampaikan penghargaan saya kepada pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi-agensi

penguatkuasaan lain kerana usaha dan dedikasi mereka yang tidak putus-putus dalam memelihara undang-undang dan ketenteraman yang ada kalanya dalam keadaan yang sukar.

Yang Amat Arif

Saya fikir salah satu cara untuk mendapatkan sokongan orang ramai yang berterusan kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang kita adalah untuk memastikan bahawa kita sentiasa peka dengan keperluan mangsa-mangsa jenayah dan mangsa-mangsa penyalahgunaan kuasa. Agensi-agensi penguatkuasaan perlu menetapkan prosedur bersama-sama dengan pihak-pihak berkuasa pendakwa dalam mengembalikan harta dengan segera kepada mangsa-mangsa dan bagi pendakwa-pendakwa, setakat mana yang boleh, meniadakan keperluan pengemukaan keterangan fizikal di dalam mahkamah. Agensi-agensi penguatkuasaan hendaklah juga memastikan bahawa mangsa-mangsa jenayah diberitahu dari masa ke semasa tentang kedudukan penyiasatan. Pendakwa-pendakwa hendaklah juga memberitahu mangsa-mangsa tentang kedudukan sesuatu kes dari masa hadir di dalam mahkamah sehinggalah kes itu selesai. Pendakwa-pendakwa hendaklah mendakwa defendan yang mengganggu, mengancam, mencederakan atau pun selainnya cuba mengugut atau bertindak-

balas terhadap mangsa-mangsa atau saksi-saksi. Tertakluk kepada pertimbangan Yang Amat Arif, mahkamah hendaklah, setakat mana yang boleh, mengadakan bilik-bilik menunggu yang berasingan bagi saksi-saksi pihak pendakwa dan pihak pembela. Mahkamah hendaklah juga memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap kepentingan mangsa dalam mengembalikan harta dengan cepat sebelum perbicaraan dengan memutuskan bahawa gambar-gambar harta tersebut diterima sebagai keterangan yang mencukupi.

Saya juga secara peribadi menyampaikan penghargaan kepada semua pegawai saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Jabatan saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Undang-Undang Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha keras mereka dalam melaksanakan kerja mereka iaitu untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana sokongan, bantuan dan kerjasama mereka.

Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya berharap hubungan baik di antara Jabatan saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga maju jaya.